



DOSA-DOSA
AKHIR
ZAMAN

MEK WOK MAHMUD
RAUDLOTUL FIRDAUS FATAH YASIN
MOHD PUZHI USOP
AKMAL KHUZAIRY ABD RAHMAN

Kata Pengantar

Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman Haji Abdullah
Mufti Wilayah Persekutuan



SHAS MOSQUE CENTRIS • IIUM

Makrem Khalil



21/2021
/6

DOSA-DOSA
AKHIR
ZAMAN

MEK WOK MAHMUD
RAUDLOTUL FIRDAUS FATAH YASIN
MOHD PUZHI USOP
AKMAL KHUZAIRY ABD RAHMAN

CENTRIS IUM • 2021

Cetakan Pertama, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mek Wok Mahmud

DOSA-DOSA AKHIR ZAMAN / MEK WOK MAHMUD, RAUDLOTUL FIRDAUS
FATAH YASIN, MOHD PUZHI USOP, AKMAL KHUZAIRY ABD RAHMAN.

ISBN 978-967-17262-2-8

1. Sin--Islam.

2. Muslims--Conduct of life.

I. Raudlotul Firdaus Fatah Yasin. II. Mohd. Puzhi Usop,

III. Akmal Kuzairy Abd. Rahman. IV. Judul.

297.5

Diterbitkan oleh:

Pejabat Masjid Sultan Haji Ahmad Shah,
CENTRIS,

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur,
Malaysia

Ilustrasi oleh:

Nur Arif Bin Jasmin

Dicetak oleh:

KANDUNGAN

Kandungan	v
Halaman Senarai Rajah dan Jadual	vii
Kata Pengantar Mufti Wilayah Persekutuan	ix
Mukadimah Dosa-Dosa Akhir Zaman	xiii
Bab 1: Pengertian Dosa dan Jenis-Jenisnya <i>Prof. Madya Dr. Mek Wok Mahmud</i>	1
Bab 2: Kesan Dosa Pada Spiritual, Mental dan Fizikal <i>Dr. Abdul Latif Abdul Razak</i>	16
Bab 3: Penyucian Dari Dosa-Dosa Lama dan Moden <i>Prof. Madya Dr. Saupi Man</i>	30
Bab 4: Insafilah Wahai Anak! <i>Dr. Nurul Jannah Zainan Nazri</i>	55
Bab 5: Mengenali Dosa Lelaki Akhir Zaman <i>Ustaz Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin</i>	72
Bab 6: Wanita Dambaan Neraka <i>Ustazah Qurrotul Aien Fatah Yasin</i>	90
Bab 7: Dosa Ikhtilat dan Khalwat: Di Luar Talian dan Di Atas Talian <i>Dr. Sofiah Samsudin & Nurul Hidayah Aron</i>	122
Bab 8: Dosa Pelajar Akhir Zaman <i>Ustaz Muhammad Fakrulrazi Abdullah</i>	144
Bab 9: Pendakwah Juga Seorang Pendosa <i>Dr. Mohd Puzhi Usop</i>	167
Bab 10: Pentadbir yang Bebas Dari Dosa <i>Prof. Akmal Khuzairy Abd Rahman</i>	191
Bab 11: Perangkap Dosa Pemimpin Institusi <i>Dr. H. Makrum Kholil. M.Ag & Ahmad Asrof Fitri</i>	210
Bab 12: Dosa <i>Mutaffif</i> yang Perlu Dijauhi <i>Dr. Mohammad Dhiya'ul Hafidh Fatah Yasin</i>	226

Bab 13: Menipu Produk Ada Balasannya <i>Dr. Susminingsih & Dr. Iman Hanafi</i>	243
Bab 14: Dosa-Dosa yang Mencemar Rawatan Islam <i>Dr. Mohd Puzhi Usop & Muhammad Shauqi bin Shabudin</i>	259
Bab 15: Koleksi Dosa Hati <i>Dr. Raudlotul Firdaus Fatah Yasin & Ustazah Asma' Harun</i>	284
Bab 16: Dunia Siber Membuka Ruang Dosa <i>Dr. Mohd Azrul Azlen bin Abd Hamid</i>	309
Bab 17: Media Sosial Sebagai Medan Penambah Dosa <i>Ustaz Abdullah Bukhari Abdul Rahim</i>	324
Biografi Penulis	337
Indeks	345



SENARAI RAJAH DAN JADUAL

SENARAI JADUAL

Jadual 15.1: Tingkat pencapaian hati, iman dan ilmu seseorang hamba dalam menerima cahaya Allah SWT

SENARAI FOTO

Foto 14.1: Tangkal-tangkal yang sering diguna dalam masyarakat melayu

SENARAI RAJAH

Rajah 6.1: Peranan wanita

Rajah 6.2: Dosa-dosa wanita

Rajah 6.3: Perangkaan menunjukkan pembedahan plastik kecantikan mengikut negara dan jenis pembedahan 2011

Rajah 6.4: Golongan bertatu mengikut negara 2018 (Dalia Research, 2018)

Rajah 6.5: Jumlah Golongan LGBT di Amerika Syarikat semakin meningkat (Pew Research Center, 2017)

Rajah 6.6: Penerimaan masyarakat dunia terhadap golongan LGBT (The Williams Institute, 17 Februari 2020)

Rajah 6.7: Perangkaan remaja yang pernah melakukan hubungan seks di luar nikah (National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2017, 18 Februari 2020)

Rajah 6.8: Perangkaan remaja hamil dari tahun 2014 hingga 2018 (Sinar Harian, 18 Februari 2020)

Rajah 6.9: Semakin banyak kes kahwin lari ke Siam (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 8 Februari 2020)

Rajah 6.10: Akibat isteri kufur kepada suami

Senarai Rajah dan Jadual

- Rajah 6.11:** Perangkaan menunjukkan bahawa komunikasi dan media sosial adalah tujuan utama penggunaan internet di Malaysia (Iamk Learning Centre, 17 Februari 2020)
- Rajah 6.12:** Hampir separuh daripada penduduk Malaysia adalah wanita (Department of Statistics Malaysia, 15 Januari 2020)
- Rajah 6.13:** Perceraian di Malaysia (Pesona Pengantin, 10 Februari 2020)
- Rajah 8.1:** Nisbah antara kepentingan dunia dan akhirat
- Rajah 8.2:** Tujuan niat dan pengulangan lafaz tujuan niat
- Rajah 15.1:** Kedudukan hati, akal dan perasaan serta fungsi setiap satunya
- Rajah 15.2:** Ringkasan takrif akal, rasa dan hati
- Rajah 15.3:** Tingkat pencapaian hati, iman dan ilmu seorang hamba dalam menerima cahaya Allah SWT.
- Rajah 15.4:** Lokasi hippocampus dalam otak manusia
- Rajah 16.1:** Proses pembentukan umpatan

BAB 11

PERANGKAP DOSA PEMIMPIN INSTITUSI

**Dr. H. Makrum Kholil. M.Ag
Ahmad Asrof Fitri**

Pendahuluan

Pemimpin institusi, dalam skala apa pun, bertanggungjawab besar terhadap rakyat dan institusi yang dipimpinnya. Amanah tersebut dilaporkan untuk dinilai secara profesional di dunia melalui laporan prestasi dan kebertanggungjawaban. Manakala di akhirat, semuanya akan dihisab di padang Mahsyar. Ini bermakna, terdapat dua dimensi yang mesti dihadapi oleh pemimpin institusi dalam menjalankan tugas mereka, iaitu dimensi mendatar yang berhubungan dengan manusia dan dimensi menegak yang berkenaan dengan Allah. Sayangnya, hal ini tidak difahami dengan baik oleh sebahagian pemimpin. Ataupun, jika sudah difahami, mereka tidak menerjemahkan pemahaman itu ke dalam kehidupan sebenar. Terbukti, banyak kes rasuah yang melibatkan pegawai institusi, baik dalam sektor negara maupun sektor swasta, yang menyalahgunakan kuasa mereka untuk kepentingan peribadi.

Oleh itu, para pemimpin perlu mendapat kajian yang komprehensif tentang perkara-perkara yang menguji keimanan dan integriti mereka, serta mereka akan dibicarakan. Mereka perlu mengenal pasti perkara-perkara yang berpotensi menggelincirkan mereka kepada dosa dan sejauh mana kesannya, baik dalam kehidupan dunia mahupun akhirat. Artikel ini membincang kemungkinan dosa yang dilakukan oleh pemimpin institusi dan akibatnya, disertai dengan dalil al-Quran dan hadis serta

pandangan ulama, agar muncul kesedaran moral untuk menjaga dirinya daripada hukuman di dunia dan azab di akhirat.

Pengertian Dosa Pemimpin

Dosa pemimpin adalah akibat daripada perbuatan maksiat, iaitu meninggalkan perintah atau melaksanakan larangan. Seseorang pemimpin dikatakan berdosa apabila ia meninggalkan perintah atau melaksanakan larangan. Meninggalkan perintah atau melaksanakan larangan dapat dibezakan menjadi dua: yang berhubungan dengan Allah (*hablun min Allah*) dan yang berhubungan dengan sesama manusia (*hablun min an-nâs*). Dosa pemimpin institusi dalam hal ini lebih banyak berhubungan dengan sesama manusia, berupa mengabaikan hak pihak lain yang menjadi kewajiban dan tanggung-jawabnya. Apabila ia tidak melaksanakan kewajiban tugasnya, maka ia berdosa.

Dosa pemimpin institusi ialah dosa yang berpotensi dilakukan oleh orang yang menjadi pimpinan sesuatu institusi. Institusi itu merangkumi pelbagai sektor seperti perusahaan perniagaan, pejabat pemerintahan, badan pendidikan, yayasan dan lain-lain yang bermatlamatkan keuntungan ataupun bukan-keuntungan. Untuk menjauhkan diri daripada dosa tersebut, seorang pemimpin harus mengetahui dan melaksanakan dengan baik tugas dan tanggung jawab sesuai dengan bidang tugas yang ditetapkan serta sentiasa berhati-hati terhadap perlakuan berdosa yang boleh menjeratnya.

Dosa-dosa Pemimpin Institusi

Berdasarkan hasil penelusuran penulis dalam Al-Quran dan hadis dalam bab yang lalu, dosa yang mungkin dilakukan oleh pimpinan institusi secara umumnya termasuklah: korupsi (rasuah), kolusi, nepotisme, memalsukan laporan, melakukan pemerasan ataupun penindasan dan membuat peraturan yang merugikan. Menurut penulis, ini disebut dosa institusi, iaitu dosa yang secara langsung dan signifikan memberi kesan buruk kepada institusi. Malah, jika masalah yang disebabkan oleh dosa ini tidak diselesaikan dengan segera masalah ini boleh membawa kepada kesan yang kurang baik untuk jangka masa yang panjang. Sehingga, pengumpulan dosa meningkat dan menjadi dosa *jariyah* yang terus membebankan pesalah. Umumnya, dosa ini dilakukan secara struktural dan juga melibatkan pihak lain secara kolektif, di luar pemimpin. Penjelasannya adalah seperti berikut:

1. Korupsi

Perkataan korupsi berasal dari Bahasa Inggeris yang disebut *corrupt*. Secara terminologi kata itu bermakna melakukan penipuan secara haram untuk mendapatkan keuntungan peribadi (Hornby, 1995: 247). Merujuk kepada definisi ini, perkataan korupsi secara etimologis pada dasarnya merangkumi banyak perkara dan tindakan yang secara substansial mempunyai dua elemen, iaitu kewujudan penipuan dan tujuan untuk memperkayakan diri. Perbuatan jenayah korupsi termasuk tingkah laku negatif lain seperti kolusi, nepotisme, pemalsuan laporan, pemerasan dan sebagainya. Justeru itu, dalam hal ini, penulis mengkhususkan istilah “korupsi” dengan makna penggelapan dana, agar lebih jelas hukumnya.

Dalam hukum Islam, penyelewengan dana boleh dikategorikan kepada satu bentuk pencurian (*saraqah*). Pelaku melakukan perbuatan tersebut secara sembunyi-sembunyi. Berbeza halnya jika dilakukan secara terang-terangan dan dilakukan dengan keganasan, maka dimasukkan ke dalam jenis rompakan. Dalam Al-Quran, penyelewengan harta disebut sebagai *ghalla* (bentuk *masdarnya ghulul*), sebagaimana disebutkan dalam Surah Ali Imran ayat 161, yang merujuk kepada makna rasuah:

وَمَا كَانَ لِنَبِيِّ أَنْ يَعْلَمَ مِمَّنْ يَفْعَلُ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

Maksud: Tidak mungkin seorang nabi berkhianat dalam urusan harta rampasan perang. Barangsiapa yang berkhianat dalam urusan rampasan perang itu, maka pada hari kiamat ia akan datang membawa apa yang dikhianatkannya itu, kemudian tiap-tiap diri akan diberi pembalasan tentang apa yang ia kerjakan dengan (pembalasan) setimpal, sedang mereka tidak dianiaya.

(Surah Ali 'Imran 3:161)

Sebab turunnya ayat ini, sebagaimana hadis riwayat Abu Dawud, Abd bin Humaid, al-Tirmizi, Ibnu Jarir, dan Ibnu Abiy Hatim daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa ayat ini turun berkait dengan hilangnya tutup kepala berwarna merah milik seorang laki-laki setelah pembahagian *ghanimah* perang Badar. Lalu sebahagian orang berkata, “Boleh jadi Nabi yang mengambilnya.” Maka, Allah pun menurunkan ayat ini sebagai penafian bahawa Nabi tidak mungkin menggelapkan harta rampasan perang dan melakukan khianat. Dalam hal ini, kata *ghalla* bermakna “berkhianat” (As-Suyuthi, t.t.: 473).

Dalam riwayat lain daripada Adh-Dhahak, dinyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW mengutus sekelompok orang kepada barisan depan medan perang. Setelah perang selesai, Nabi lantas membahagikan *ghanimah* kepada para sahabat, namun sekelompok orang yang pergi ke barisan depan itu belum mendapat bahagian mereka. Ketika kembali, mereka berkata, "Harta rampasan perang sudah dibahagikan kepada orang, tetapi mengapa kami tidak diberi bahagian?" Maka, Allah pun menurunkan ayat ini (As-Suyuthi, t.t.: 474).

Amalan penggelapan dana ini, walaupun dalam jumlah kecil, juga pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW, sebagaimana dijelaskan dalam hadis berikut:

... قَالَ: كَانَ عَلَى ثَقَلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ يُقَالُ لَهُ كِرْكِرَةٌ
فَمَاتَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هُوَ فِي النَّارِ فَذَهَبُوا يَنْظُرُونَ
إِلَيْهِ فَوَجَدُوا عَبَاءَةً قَدْ غَلَّهَا.

Maksud: Abdullah bin Amr r.a. berkata: "Ada seseorang yang bernama Karkirah, iaitu pembawa barang-barang Nabi SAW, ia mati dalam peperangan, lalu Nabi mengatakan: "ia masuk neraka". Kemudian para sahabat memeriksanya, ternyata mereka mendapatkan sehelai pakaian yang ia ambil daripada *ghanimah*".

(Riwayat al-Bukhari, no. 2845)

... قَالَ: لَمَّا كَانَ يَوْمَ خَيْبَرَ أَقْبَلَ نَفَرٌ مِنْ صَحَابَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَقَالُوا: فُلَانٌ شَهِيدٌ فُلَانٌ شَهِيدٌ حَتَّى مَرُّوا عَلَى رَجُلٍ فَقَالُوا: فُلَانٌ شَهِيدٌ
فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَلَّا، إِنِّي رَأَيْتُهُ فِي النَّارِ فِي بُرْدَةٍ غَلَّهَا
أَوْ عَبَاءَةٍ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا ابْنَ الْخَطَّابِ اذْهَبْ
فَنَادِ فِي النَّاسِ أَنَّهُ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ إِلَّا الْمُؤْمِنُونَ قَالَ: فَخَرَجْتُ فَنَادَيْتُ إِلَّا
إِنَّهُ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ إِلَّا الْمُؤْمِنُونَ.

Maksud: Umar bin Al-Khattab r.a. berkata: "Pada saat perang Khaibar, sekelompok sahabat Nabi SAW berteriak, 'Fulan mati syahid Fulan mati syahid.' Sampai mereka melewati jenazah seorang lelaki, lalu dia juga berkata, 'Fulan mati Syahid'. Maka, Rasulullah SAW bersabda, 'Bukan, sesungguhnya aku melihatnya di neraka sebab sehelai pakaian yang ia ambil.' Kemudian Rasulullah SAW berkata, 'Wahai Umar bin Al-Khattab, pergilah, lalu beritahukanlah kepada orang-orang bahawa tidak mungkin masuk syurga kecuali orang-orang yang beriman.' Maka, aku pun keluar dan memanggil orang-orang untuk memberitahukan bahawa tidak mungkin masuk syurga kecuali orang yang beriman."

(Riwayat Muslim, no. 165)

Ayat Al-Quran dan hadis-hadis di atas menunjukkan larangan berbuat curang dan menggelapkan dana yang semestinya menjadi milik umat atau institusi, walau jumlahnya tidak seberapa. Sekiranya menggelapkan selebar kain saja sudah membuatkan seseorang terjerumus ke dalam neraka, bagaimana dengan wang yang jumlahnya ribuan hingga jutaan. Sudah tentu azab yang akan diberikan oleh Allah akan lebih berat dan besar. Termasuk dalam kategori penipuan adalah mencuri waktu kerja, dengan pelbagai cara. Misalnya, datang lewat ke tempat kerja, pulang lebih awal daripada jam yang telah ditetapkan, ponteng kerja tanpa adanya uzur *syar'ie*, sengaja bersantai-santai atau melakukan hal-hal tidak penting seperti main *game* ketika waktu bekerja, dan mengerjakan urusan peribadi yang tidak ada kaitan dengan pekerjaan semasa masih dalam waktu kerja.

2. Konspirasi atau Kolusi

Perkataan kolusi berasal dari bahasa latin *collusio* yang bermaksud kesepakatan rahsia, konspirasi untuk melakukan suatu perbuatan jahat atau tidak baik (Poerwadarminta, t.t.: 96). Dalam bahasa Indonesia, perkataan kolusi mengalami peralihan makna. Menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia* terbitan tahun 1994 yang disusun oleh Departemen Pendidikan dan Kebudayaan (1994: 514), kolusi bermakna kerjasama rahsia untuk tujuan konspirasi. Sementara pada terbitan tahun 2001, kolusi didefinisikan sebagai suatu bentuk kerjasama untuk tujuan yang tidak baik (2001: 109). Pengertian baru ini menyiratkan bahawa kolusi mempunyai sekurang-kurangnya dua unsur, iaitu adanya kerjasama dan tujuan yang tidak baik.

Dalam Al-Quran, larangan berkolusi ini ditemui dalam *Surah al-Ma'idah* ayat 2:

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۗ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۗ
إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksud: Saling tolong-menolonglah kalian atas kebaikan dan ketakwaan. Janganlah kalian tolong-menolong atas dosa dan permusuhan. Bertakwalah kalian kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.

(*Surah al-Ma'idah* 5:2)

Imam Asy-Syaukani (t.t.: 263) menafsirkan perkataan *al-birr* sebagai suatu hal yang diperintah oleh Allah kepada umat Islam, sementara perkataan *at-taqwa* bermakna menjauhi sesuatu yang dilarang atau diharamkan ke atas kaum muslimin. Lebih jauh, dalam hadis, dinyatakan tentang makna *al-birr* dan *al-ithm* dari sudut pandang psikologi, iaitu:

الْبِرُّ مَا أَظْمَأَنَّ إِلَيْهِ الْقَلْبُ وَأَظْمَأَتْتْ إِلَيْهِ النَّفْسُ وَالْإِثْمُ مَا حَاكَ فِي الْقَلْبِ
وَتَرَدَّدَ فِي الصَّدْرِ وَإِنْ أَفْتَاكَ النَّاسُ (رواه أحمد).

Maksud: Kebaikan adalah sesuatu yang membuat hati dan jiwamu tenang, sedangkan dosa adalah sesuatu yang membuat hati dan jiwamu resah dan ragu-ragu, meskipun seluruh manusia memerintahkanmu untuk melakukannya.

(Riwayat Ahmad, no. 17315)

Dalam hal ini, untuk mengenal pasti adakah suatu perbuatan atau kerjasama antara pelbagai pihak itu mengandungi unsur kolusi atau tidak, maka perlu ditanyakan pada hati nurani masing-masing. Apabila seseorang merasa bahawa tawaran bersekutu terhadap projek tertentu membuat batinnya gundah dan cemas, maka itu bermakna ia sedang diajak untuk berkolusi, saling tolong-menolong dalam urusan yang menjerumuskannya ke dalam dosa dan maksiat. Oleh itu, dia haruslah menolak tawaran tersebut dengan tegas.

3. Nepotisme

Nepotisme berasal daripada bahasa latin: *nepos* atau *nepotis* yang bermaksud cucu (makna kiasan), keturunan dan atau *keponakan* (Shadily, 1983: 2361). Seperti istilah kolusi, perkataan nepotisme juga mengalami makna yang berkembang. Dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* terbitan 1994, nepotisme ditakrifkan sebagai kecenderungan untuk mengutamakan (menguntungkan) sanak saudara sendiri, terutamanya dalam jabatan, pangkat dalam kalangan kerajaan (1994: 687). Pada terbitan 2001, istilah nepotisme berkembang menjadi tiga makna. Pertama, tingkah laku yang menunjukkan keutamaan berlebihan untuk saudara terdekat. Kedua, kecenderungan untuk memberi keutamaan (menguntungkan) saudara-mara sendiri terutamanya dalam jabatan, pangkat dalam kalangan pemerintah. *Ketiga*, perbuatan memilih kerabat atau sanak saudara sendiri untuk memegang pemerintahan (2001: 726).

Walau bagaimanapun, definisi tersebut tidak memberikan batasan yang jelas, sama ada sanak saudara atau kerabat yang direkrut memiliki kompetensi atau tidak. Dalam hal ini, terkait dengan aspek keinstitusian, penulis mengehendkan nepotisme kepada tindakan seorang pemimpin yang lebih memilih saudara-maranya sendiri berbanding dengan pemohon lain untuk menduduki jawatan tertentu, walaupun dia mengetahui bahawa saudara-saudaranya itu tidak mempunyai kelayakan. Namun, jika saudaranya itu benar-benar mampu dan mempunyai keterampilan serta kelayakan, maka menurut penulis, tindakan itu tidak termasuk dalam kategori nepotisme. Pendapat ini didasarkan pada *Surah al-Qasas* ayat 34-35 yang menceritakan “lobi” Nabi Musa kepada Allah agar mengangkat saudaranya, Harun, sebagai rasul sekaligus menjadi jurubicarannya, iaitu:

وَأَخِي هَارُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّي لِسَانًا فَأَرْسَلَهُ مَعِيَ رِدْءًا يُصَدِّقُنِي إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُكَذِّبُونِ ﴿٣٤﴾ قَالَ سَنُعَضِّدُكَ بِأَخِيكَ وَنَجْعَلُ لَكُمَا سُلْطٰنًا فَلَا يَصِلُونَ إِلَيْكُمَا بِأَيِّتِنَا أَنْتُمَا وَمِنِ اتَّبَعَكُمَا الْغٰلِبُونَ ﴿٣٥﴾

Maksud: Dan saudaraku, Harun, dia lebih fasih lidahnya daripada aku. Maka, utuslah dia bersamaku sebagai pembantuku untuk membenarkan perkataanku. Sungguh, aku takut mereka akan mendustakanku. Dia (Allah) berfirman, Kami akan menguatkan engkau (membantumumu) dengan saudaramu, dan Kami berikan kepada kalian berdua kekuasaan yang besar. Maka, mereka tidak akan mencapaimu dengan membawa mukjizat Kami. (Berangkatlah) kalian berdua dan orang yang mengikuti kalian yang akan menang.

(*Surah al-Qasas* 28:34–35)

Ayat tersebut secara jelas menjelaskan bahawa Nabi Harun a.s. mempunyai kemampuan yang menjadi nilai tambah dirinya. Teks ayat yang perlu dikaji ialah “*wa akhî Hârûnu huwa afsahu minnî lisânan*”. Sayyid Thanthawi (t.t.: 3264) menafsirkan ayat tersebut dengan, “Harun lebih layak dalam berdebat ketika berdakwah dan lebih mampu menjelaskan kebenaran. Dengan kata lain, Nabi Harun memiliki kemampuan lisan yang lebih baik daripada Nabi Musa. Kerana itu, ia layak diangkat sebagai rasul. Ini semakin memperkukuh bahawa memilih saudara, keluarga, atau kerabat untuk jawatan tertentu dalam institusi, kalau ia berkelayakan, berkualiti dan baik akhlaknya, maka tidak dianggap sebagai nepotisme.

Adapun nepotisme yang diharamkan adalah lebih mendahulukan keluarga daripada orang lain, meskipun diketahui keluarganya itu tidak layak. Hal ini didasarkan kepada Surah al-Taubah ayat 23:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَتَّخِذُوْا اٰبِءَكُمْ وَاِخْوَانَكُمْ اَوْلِيَاءَ اِنْ اَسْتَجَبُوْا
اَلْكُفْرَ عَلٰى الْاِيْمٰنِ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَاُولٰٓئِكَ هُمُ الظّٰلِمُوْنَ ﴿٢٣﴾

Maksud: Hai orang-orang beriman, janganlah kamu jadikan bapak-bapak dan saudara-saudaramu menjadi wali(mu) jika mereka lebih mengutamakan kekafiran atas keimanan dan siapa di antara kamu yang menjadikan mereka wali, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

(Surah al-Taubah 9:23)

Jika direnungi dengan lebih mendalam, ayat “lebih mengutamakan kekafiran atas keimanan” di atas dapat dijelaskan bahawa bila saudara maupun kerabat lain itu direkrut dan dijadikan sebagai pekerja sebuah institusi, maka hal itu berpotensi menurunkan kualiti institusi kerana prestasinya yang buruk. Inilah nepotisme yang diharamkan kerana perbuatan itu sama seperti menyerahkan urusan penting kepada orang yang bukan ahlinya. Ini diperkuat dengan hadis:

...عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
إِذَا ضَيَّعَتِ الْأَمَانَةُ فَاَنْتَظِرِ السَّاعَةَ قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَتُهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ:
إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَاَنْتَظِرِ السَّاعَةَ.

Maksud: Abi Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Bila amanah telah disia-siakan, maka tunggulah datangnya hari kiamat.” Seorang sahabat bertanya, “Bagaimana bentuk penyiaraan, wahai Rasulullah?” Beliau menjawab, “Apabila suatu urusan diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah kedatangan hari kiamat.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 6015)

4. Gratifikasi

Secara etimologis, kata gratifikasi berasal daripada bahasa Belanda: “*gratificatie*” yang bererti manfaat (Wasito, 1997: 244). Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia Offline Versi 1.1 (2010), gratifikasi bermakna wang yang diberikan kepada pekerja di luar gaji yang ditetapkan. Dalam kamus undang-undang, istilah gratifikasi ditakrifkan sebagai upah/

gaji/hadiah dengan tujuan mendapatkan manfaat dalam bidang lain sebagai pampasan (Mabun, 2006: 87). Berdasarkan definisi ini, jelas bahawa pemberian dalam bentuk apa pun daripada pihak lain yang ada kaitannya dengan pekerjaan seseorang, dapat dianggap sebagai gratifikasi. Lazimnya, gratifikasi diberikan kepada seorang pemimpin institusi, agar ia mempermudah suatu perkara, projek atau kerjasama dengan pihak pemberi dana gratifikasi. Oleh itu, keputusan atau dasar yang diambil oleh pemimpin institusi tidak lagi bersifat objektif, kerana berhutang budi dan merasa harus membalas jasa.

Gratifikasi, dalam Islam, adalah bentuk rasuah (*risywah*). Kes rasuah berkait rapat dengan profesyen hakim dan pegawai negeri. Kerana itu, dalam Al-Quran larangan rasuah ini ditujukan kepada *al-hukkâm*, yang secara tekstual bermaksud orang yang banyak memberikan keputusan hukum dalam sistem pemerintahan. Dalam *Surah al-Baqarah* ayat 188 disebutkan:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَآ إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا
فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Maksud: Jangalah kalian memakan harta di antara kalian dengan jalan yang batil, dan (jangalah) kalian menyuap dengan harta itu kepada para hakim, dengan maksud agar kalian dapat memakan sebagian harta orang lain dengan jalan dosa, padahal kalian mengetahuinya.

(*Surah al-Baqarah* 2:188)

Keharaman ini tidak hanya berlaku bagi orang yang memberi rasuah, tetapi juga bagi orang yang menerima rasuah. Bermakna, pihak pemberi atau penerima sama-sama bersalah kerana kedua-duanya bersekutu melakukan khianat untuk mendapat keuntungan peribadi dengan mengorbankan orang lain. Kerana itulah, dalam hadis disebut secara jelas:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي ذَيْبٍ عَنْ الْحَارِثِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ
عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ الرَّائِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ.

Maksud: Abdullah bin Amr r.a. berkata, "Rasulullah SAW melaknat orang yang menyuap dan orang yang menerima suap."

(Riwayat Abu Dawud, no. 3109)

Gratifikasi yang berkaitan dengan pejabat negara pernah terjadi pada masa Nabi Muhammad SAW. Gratifikasi itu berupa pemberian hadiah kepada petugas amil zakat, sebagaimana dikisahkan dalam hadis berikut:

...عَنْ أَبِي حُمَيْدٍ السَّاعِدِيِّ قَالَ اسْتَعْمَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا عَلَى صَدَقَاتِ بَنِي سُلَيْمٍ يُدْعَى ابْنَ اللَّثْبِيِّ فَلَمَّا جَاءَ حَاسِبَهُ قَالَ هَذَا مَا لَكُمْ وَهَذَا هَدِيَّةٌ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَهَلَّا جَلَسْتَ فِي بَيْتِ أَبِيكَ وَأُمِّكَ حَتَّى تَأْتِيكَ هَدِيَّتِكَ إِنْ كُنْتَ صَادِقًا ثُمَّ خَطَبَنَا فَحَمِدَ اللَّهُ وَأَثْنَى عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ أَمَا بَعْدُ فَإِنِّي اسْتَعْمِلُ الرَّجُلَ مِنْكُمْ عَلَى الْعَمَلِ مِمَّا وَلَا لِي اللَّهُ فَيَأْتِيَنِي هَذَا مَا لَكُمْ وَهَذَا هَدِيَّةٌ أَهْدَيْتَ لِي أَفَلَا جَلَسَ فِي بَيْتِ أَبِيهِ وَأُمِّهِ حَتَّى تَأْتِيَهُ هَدِيَّتُهُ وَاللَّهِ لَا يَأْخُذُ أَحَدٌ مِنْكُمْ شَيْئًا بِغَيْرِ حَقِّهِ إِلَّا لَقِيَ اللَّهَ يَحْمِلُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَلَا عَرْفَنَ أَحَدًا مِنْكُمْ لَقِيَ اللَّهَ يَحْمِلُ بَعِيرًا لَهُ رُغَاءٌ أَوْ بَقْرَةٌ لَهَا خُورٌ أَوْ شَاةٌ تَيَعَّرُ ثُمَّ رَفَعَ يَدَهُ حَتَّى رُئِيَ بَيَاضُ إِبْطِهِ يَقُولُ اللَّهُمَّ هَلْ بَلَغْتُ بَصَرَ عَيْنِي وَسَمِعْتُ أُذُنِي.

Maksud: *Abi Humaid As-Sa'idiy* berkata: *Rasulullah SAW* mengangkat seorang pegawai yang ditugaskan untuk menarik zakat di Bani Sulaim, yang bernama *Ibnu al-Lutbiyah*. Ketika datang, *Ibnu al-Lutbiyah* menghitung-hitung harta yang telah dipungutnya, lalu berkata, "Ini harta (zakat) kalian dan ini hadiah (yang diberikan para pembayar zakat untukku)." *Nabi Muhammad SAW* pun bersabda, "Seandainya kau duduk-duduk saja di rumah ayah atau ibumu sambil menunggu (datangnya hadiah), apakah kau akan diberi hadiah?" Kemudian *Rasulullah SAW* berkhutbah. Setelah ber-hamdalah dan memuji Allah SWT, beliau bersabda, "Sesungguhnya aku memberi tugas pada salah seorang daripada kalian, sebuah tugas yang diamanahkan oleh Allah kepadaku (yaitu menarik zakat). Lalu ia datang dan berkata, 'Ini untukmu dan ini hadiah untukku.' Mengapa ia tidak duduk-duduk saja di rumah ayah atau ibunya, sambil menunggu, apakah ia akan diberi hadiah atau tidak? Demi Allah, tidaklah seorang daripada kalian menerima sesuatu (hadiah) yang bukan haknya, melainkan ia akan datang di hari kiamat sambil memikul beban hadiah itu di lehernya. Jika (hadiah yang diterima) berupa unta, ia akan bersuara. Jika berupa lembu, ia akan menguak. Dan jika berupa kambing, ia akan mengembik." Kemudian *Rasulullah* mengangkat tangannya sampai terlihat ketiak putih beliau sambil bersabda, "Ya Allah, (saksikanlah) bukanlah aku (*Muhammad*) telah menyampaikan (kebenaran) dengan mata dan telingaku sendiri!?"

(Riwayat al-Bukhari, no. 6464)

5. Melakukan Pungutan Liar (Pungli)

Pungutan liar didefinisikan sebagai perbuatan yang dilakukan oleh pegawai kerajaan ataupun penguatkuasa atau pejabat negara dengan cara meminta pembayaran sejumlah wang yang tidak sesuai atau tidak berdasarkan peraturan yang berkaitan dengan pembayaran tersebut. Pungutan liar termasuk dalam kategori kejahatan jabatan. Dalam konsep kejahatan jabatan, dijabarkan bahawa pejabat bagi menguntungkan diri sendiri atau orang lain, menaikkan kadar sewa, menyalahgunakan kekuasaannya untuk memaksa seseorang untuk memberikan sesuatu, untuk membayar atau menerima pembayaran dengan potongan, atau untuk mengerjakan sesuatu bagi dirinya sendiri (Solahuddin, 2016: 2). Dalam bahasa Arab, pungutan liar diistilahkan sebagai *al-maksu*. Menurut *Kamus Lisan Al-'Arab*, *al-maksu* ialah sejumlah wang (dirham) yang diambil dari para pedagang di pasar pada zaman jahiliyah (Manzhur, t.t.: 220).

Perbuatan tersebut diharamkan, sebagaimana telah disebutkan dalam hadis berikut:

...عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِسْحَاقَ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ شِمَاسَةَ
عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا
يَدْخُلُ الْجَنَّةَ صَاحِبُ مَكْسٍ.

Maksud: ... Uqbah bin 'Amir r.a. berkata, saya mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Pengambil pungutan (liar) tidak masuk syurga."

(Riwayat Abu Dawud, no. 2548)

Dalam kitab *Musnad Ahmad*, dijelaskan lebih terperinci bahawa yang dimaksudkan *sahibu muksin* ialah *al-'asysyar* (Hanbal, t.t.: 166). Dalam kitab *Aun Al-Ma'bud*, kata *al-maksu* sendiri bermaksud pengurangan, kezaliman, dan wang (dirham) yang diambil daripada penjual barang dagangan di pasar pada masa jahiliyah, atau harta pungutan lain yang dimintakan oleh petugas pemungut zakat, padahal orang tersebut sudah menerima pembayaran zakat (Ali, t.t.: 412).

Dua definisi di atas menunjukkan bahawa pungutan liar boleh dilakukan oleh dua jenis orang, iaitu (1) penguatkuasa dan (2) pegawai kerajaan. Pemaknaan *shahibu maksin* sebagai penguatkuasa ini selaras dengan definisi yang dikemukakan dalam kitab *Lisan Al-'Arab*, sedangkan makna *sahibu maksin* sebagai pegawai kerajaan yang memungut pungli

... dengan definisi yang tertera dalam kitab 'Aunul Ma'bud. Hal ini ...
... pembuatan menarik biaya tambahan di luar ketentuan yang telah ...
... dalam peraturan hukum atau undang-undang disebut pungutan ...
... kelas diharamkan.

...melakukan laporan

... laporan termasuk salah satu dosa yang berpotensi ...
... pemimpin institusi, baik itu berupa laporan prestasi, laporan ...
... tanggungjawab, mahupun laporan kewangan. Perbuatan ini ...
... kerana ia merupakan tindakan membohongi pihak awam ...
... pihak tertentu untuk mendapatkan keuntungan bagi dirinya:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا تَدٰىنْتُمْ بِدِيْنٍ اِلَىٰٓ اٰجَلٍ مُّسَمًّى فَاَكْتَبُوْهُ
وَلْيَكْتُبْ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ اَنْ يَّكْتُبَ كَمَا
عَلَّمَهُ اللّٰهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِيْ عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللّٰهَ رَبَّهُ
وَلْيَخْشَ مِنْهُ شَيْئًا ...

...ksud: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu melakukan ...
... hutang-piutang untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kalian menuliskannya.
... hendaklah seorang penulis di antara kalian menuliskannya dengan adil.
... hendaklah penulis menolak untuk menuliskannya sebagaimana yang Allah ...
... ajarkan kepadanya, maka hendaklah ia menuliskan. Dan hendaklah ...
... yang berhutang itu mendiktekan, dan hendaklah dia bertakwa pada ...
... Tuhannya, dan janganlah ia mengurangi sedikit pun daripadanya.

(Surah al-Baqarah 2:282)

... meskipun ayat di atas berbicara tentang kewajiban melakukan ...
... hutang dalam hutang-piutang, tetapi perkara itu boleh diperluaskan ...
... dalam bidang muamalah lainnya yang berkenaan dengan urusan ...
... hubungan hak antara sesama manusia. Dengan kata lain, ketentuan ...
... secara adil dan telus dalam ayat itu berlaku pula dalam bidang ...
... secara umum, yang di dalamnya mencakup pembuatan laporan.
... mengurangi sedikit pun tidak diperbolehkan, apatah lagi sampai ...
... melakukan pemalsuan laporan yang pasti mengubah data dalam jumlah ...
... Tentu perbuatan ini lebih dilarang.
... Dari aspek ekonomi, pemalsuan laporan kewangan dapat memberi ...
... buruk pada reputasi suatu institusi. Kredibiliti dan integritinya

akan dipersoalkan oleh banyak pihak. Jika institusi itu merupakan institusi kewangan, pelanggan tidak lagi mempercayakan wang mereka untuk disimpan atau dilabur. Lambat laun hal itu akan membuat institusi mengalami kerugian, bahkan muflis. Keadaan inilah yang diperingatkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ
الصَّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَصْدُقُ حَتَّى
يَكُونَ صَدِيقًا وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى
النَّارِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَّابًا.

Maksud: Abdullah bin Mas'ud RA berkata bahawa Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya kejujuran itu mengarah pada kebaikan, dan kebaikan akan mengarah kepada syurga. Sungguh, orang yang terus-menerus berkata jujur akan (dicatat) sebagai shiddiq (orang jujur dan berintegriti). Sesungguhnya kebohongan akan mengarah kepada kejahatan, dan kejahatan mengarah kepada api neraka. Sungguh, orang yang senantiasa berbohong akan dicatat sebagai pembohong (pendusta, tidak punya integritas) di sisi Allah."

(Riwayat al-Bukhari, no. 5629)

Dalam konteks keinstitusian, pemalsuan yang dilakukan pemimpin sesuatu institusi pasti akan mengheretnya untuk terus melakukan penipuan dan pemalsuan berikutnya. Jika dia mengada-adakan data yang pada kenyataannya tidak ada, tentu dia akan menipu ketika ditanya tentang keberadaan data tersebut. Bila diselidiki lebih mendalam, penipuan yang dia buat akan semakin terserlah. Pada akhirnya, suatu hari penipuannya akan terbongkar dan dia dicap sebagai pembohong, sehingga dirinya tidak lagi dipercayai orang lain. Sebaliknya, jika seorang pemimpin berani jujur ketika membuat laporan, maka walaupun ada kesalahan dan kekurangan, dia masih boleh melakukan penilaian pada kesempatan berikutnya, dan dapat membuat dirinya menjadi lebih baik. Ia tak hanya dikenal sebagai orang yang berintegriti, bahkan juga konsisten dalam memperbaiki kualiti diri.

7. Membuat peraturan dan dasar yang negatif

Dosa berikutnya yang sangat mungkin dilakukan oleh pemimpin institusi adalah membuat dasar mau pun peraturan yang negatif. Sisi negatif ini dapat dilihat daripada ada atau tidaknya kemaslahatan yang dihasilkan

daripada peraturan yang dikeluarkan. Apakah peraturan itu melahirkan kesan negatif atau tidak. Selain itu, sifat negatif daripada dasar yang dibuatnya juga dapat diketahui daripada ada tidaknya penyimpangan terhadap syariat Islam. Bukan sekadar itu, apabila pemimpin institusi membuat peraturan tanpa didasari ilmu pengetahuan dan pertimbangan yang memadai, maka hal itu sama dengan memutuskan suatu masalah secara *serampangan* dan tidak bijak.

Dalam mencipta dasar dan peraturan, pemimpin institusi boleh dibandingkan dengan tiga jenis hakim, sebagaimana yang disebutkan dalam hadis berikut:

...عَنْ ابْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْقُضَاةُ
ثَلَاثَةٌ وَاحِدٌ فِي الْجَنَّةِ وَاثْنَانِ فِي النَّارِ فَأَمَّا الَّذِي فِي الْجَنَّةِ فَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ
فَقَضَى بِهِ وَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَجَارَ فِي الْحُكْمِ فَهُوَ فِي النَّارِ وَرَجُلٌ قَضَى
لِلنَّاسِ عَلَى جَهْلٍ فَهُوَ فِي النَّارِ.

Maksud: *Abi Ibn Buraidah r.a. berkata bahawa Nabi SAW bersabda, "Hakim ada tiga jenis: satu di syurga, dan dua lainnya di neraka. Adapun hakim yang masuk syurga adalah orang yang mengetahui kebenaran, dan ia membuat putusan sesuai dengan kebenaran tersebut. Orang yang mengetahui kebenaran, lalu bersikap curang dalam menetapkan suatu hukum, maka ia di neraka. Orang yang memutuskan suatu perkara ke atas masyarakat tanpa didasarkan kepada ilmu pengetahuan, maka ia juga di neraka."*

(Riwayat Abu Dawud, no. 3102)

Kesimpulan

Demikianlah huraian tuntas tentang dosa-dosa seorang pemimpin. Semoga siapa saja yang diberi amanah memimpin sesuatu institusi, dapat dijadikan sebagai sarana untuk memberi manfaat kepada sesama, sehingga mendatangkan pahala, bukan sebaliknya, iaitu menjadi sumber datangnya dosa. Bukankah, kebaikan manusia berdasarkan kepada seberapa banyak ia memberi manfaat kepada orang lain. Semoga tulisan ini dapat memberi panduan dan motivasi kepada pemimpin untuk terus berkhidmat bagi kemaslahatan manusia.

Rujukan


Al-Bukhari, Muhammad bin Ismâ'il bin Ibrâhîm bin Al-Mugîrah bin Bardizbah, (t.t.). *Shahîh Al-Bukhârî*, Maktabah Syamilah.

- Ali, Abu Ath-Thayyib Muhammad Syams Al-Haqq bin Amir, (t.t). *'Aunul Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud*, Maktabah Syamilah.
- Al-Qusyairiy, Muslim bin Al-Hajjaj bin Muslim bin Ward bin Kausyâdz, (t.t). *Shahih Muslim*, Maktabah Syamilah.
- As-Sijistaniy, Abu Dawud Sulaiman bin Al-Asy'ats Al-Azdiy, (t.t) *Sunan Abi Dawud*, Maktabah Syamilah.
- As-Suyuthi, Abdurrahman bin Abi Bakar Jalaluddin, (t.t). *Ad-Dur Al-Mantsur fi At-Ta'wil bi Al-Ma'tsur*, Maktabah Syamilah.
- Asy-Syaukani, Muhammad bin Ali, (t.t). *Tafsir Fath Al-Qadir*, Maktabah Syamilah.
- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, (1994). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Cet. III, Jakarta: Balai Pustaka.
- Departemen Pendidikan Nasional, (2010). *Kamus Besar Bahasa Indonesia Offline Versi 1.1*.
- Hanbal, Abu 'Abdillah Ahmad bin Muhammad, (t.t). *Musnad Ahmad*, Maktabah Syamilah.
- Hornby, A.S., dan Jonathan Crowther, (1995). *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*, Oxford: Oxford University Press.
- Mabun, B.N., (2006). *Kamus Hukum Indonesia*, Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Manzhur, Muhammad bin Mukarram, (t.t). *Lisan Al-'Arab*, Jilid VI, Beirut: Daar Shadir.
- Poerwadarminta, W.J.S., dkk, (t.t). *Kamus Latin-Indonesia*, Yogyakarta: Kanisius.
- Shadily, Hassan, dkk, (1983). *Ensiklopedi Indonesia*, Jilid 4, Jakarta: Icthar Baru-van Hoeve.
- Solahuddin, Moh. Toha, (2016). Pungutan Liar (Pungli) dalam Perspektif Tindak Pidana Korupsi, *Paraikatte*, Vol. 26.
- Thanthawi, Muhammad Sayyid, (t.t). *At-Tafsir Al-Wasith*, Maktabah Syamilah.
- Wasito, Wojo, (1997). *Kamus Umum Belanda Indonesia*, Jakarta: Icthar Baru Van Hoeve.

DOSA-DOSA AKHIR ZAMAN

Manusia merupakan khalifah Allah di muka bumi ini yang lahir bersama fitrah keimanan namun diuji dengan nafsu syahwat yang menyesatkan. Perjalanan hidup manusia dalam melaksanakan amanah ini akan sentiasa berhadapan dengan badai cobaan yang datang dari segenap penjuru, baik yang didorong oleh bisikan nafsu mahupun dari godaan syaitan yang sentiasa ingin menggelincirkan anak Adam dari jalan yang benar. Hampir setiap individu dalam anggota masyarakat terlibat melakukan dosa dan kesalahan secara sedar ataupun tidak. Khususnya dalam suasana akhir zaman ini, penulis menyedari bahawa antara faktor utama yang mendorong manusia melakukan dosa adalah kerana kejahilan, iaitu mereka tidak sedar apa yang mereka lakukan itu adalah satu dosa. Ada yang melakukan dosa kerana terpedaya dengan hasutan syaitan yang sangat berpengalaman dan berkemahiran untuk menyesatkan manusia. Tidak ketinggalan juga peranan nafsu yang jika tidak dipimpin boleh menunggang akal dan menggugat iman yang rapuh lalu menjeremuskan manusia ke dalam kancuh dosa dan maksiat. Buku ini menghadirkan koleksi dosa-dosa yang dilakukan oleh pelbagai individu dalam lapisan masyarakat berdasarkan ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis nabi dan panduan para ulama' terdahulu. Para penulis berusaha merungkai faktor, ciri-ciri dan seterusnya menawarkan penyelesaian agar beroleh keampunan Allah SWT. Diharapkan buku ini boleh menjadi penyuluh dan panduan bagi kita di akhir zaman.

ISBN 978-967-17262-2-8



9 789671 726228



03-64215901/6796



mosque@iium.edu.my



Sultan Haji Ahmad Shah Mosque,
IIUM Gombak

